



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 17/2020

RUJUKAN : 8 APRIL 2020



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Perkembangan semasa jangkitan COVID-19 secara umumnya masih terus menunjukkan peningkatan samada di dalam maupun luar negara. Usaha membendung penularan dengan objektif meleraikan rantaian jangkitan masih giat dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh dunia. Melihat kepada perspektif perkembangan jangkitan positif di Malaysia, tidak dinafikan bahawa pertambahan kes harian masih berlarutan. Namun dalam konteks kedudukan kumulatif kes positif dari senarai negara-negara dijangkiti pandemik COVID-19, kedudukan terkini negara adalah jauh lebih baik berbanding pertengahan Mac. Pada 8 April 2020, Malaysia berada di kedudukan ke-31 berbanding 18 Mac yang ketika itu negara menghuni tangga ke-18. Perkembangan ini secara tidak langsung menunjukkan keberkesanan inisiatif kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan statistik jangkitan baharu **meningkat 156 kes** berbanding 170 kes pada hari sebelumnya. Ini menjadikan jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 dalam negara **meningkat kepada 4,119 kes diterajui** oleh **kawasan Lembah Klang sebanyak 1,808 kes**, Zon Selatan (882 kes) wilayah Malaysia Timur (567 kes), Zon utara (453 kes), dan Zon Pantai Timur dengan 409 kes. Pertambahan kes baharu pada 8 April 2020 antaranya adalah menerusi peningkatan di Selangor sebanyak 58 kes disusuli Johor dengan 18 kes, Sarawak (18 kes), WP Kuala Lumpur (14 kes), Melaka (13 kes) dan Negeri Sembilan (9 kes). Sementara itu, terdapat **166 kes yang telah pulih, mengatasi bilangan kes positif baharu** untuk kali yang kedua selepas merekodkan catatan tertinggi 236 kes pada 6 April 2020. **Kes discaj atau pulih menyumbang 36.1 peratus** atau 1,487 daripada keseluruhan kes. **Jumlah kematian** yang dicatatkan sehingga kini adalah sebanyak **65 kes** dengan **pertambahan 2 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Secara umumnya terdapat **23 daerah** telah dikategorikan **sebagai zon merah** iaitu meningkat 2 daerah berbanding sebelumnya. Sepang dan Kota Samarahan masing-masing merekodkan 46 kes dan 42 kes melepassi had zon jingga dengan julat antara 20 hingga 40 kes positif. Ini menjadikan Selangor kini mempunyai 5 daerah zon merah manakala Sarawak meningkat kepada 2 daerah. **Lembah Pantai** kekal mencatatkan **kes jangkitan tertinggi dengan 412 kes** diikuti Hulu Langat (345 kes) dan Petaling (306 kes). Sehingga 7 April 2020, 29 daerah dari seluruh negara masih mengekalkan rekod tanpa kes positif dengan 86.2 peratus disumbangkan oleh wilayah Borneo.

Jumlah kes positif COVID-19 di seluruh dunia meningkat kepada 1,441,128 kes dengan **jumlah kematian** yang dicatatkan 82,992 kes. Amerika Syarikat mendominasi **bilangan jangkitan positif sebanyak 399,929**, meningkat 31,480 kes disusuli Sepanyol dengan catatan 146,690 kes, Itali (135,586 kes), Perancis (110,070 kes) dan Jerman dengan 107,663 kes. Sumbangan lima negara dalam kelompok teratas ini telah **mewakili 62.4 peratus daripada keseluruhan jangkitan positif diperingkat global**. Pada masa yang sama, **20.6 peratus daripada statistik jumlah kematian dunia** kesan dari wabak ini **kekal didominasi oleh Itali** manakala **17.5 peratus** direkodkan oleh **Sepanyol**. Kadar kematian peringkat global dicatatkan pada kadar 5.76 peratus manakala kes sembah meningkat kepada 307,819 seperti pada jadual 2.

Masalah aliran tunai aktiviti perniagaan susulan langkah kawalan yang diperkenalkan turut memberi impak kepada iklim pelaburan aset di Malaysia. Pembentukan modal tetap kasar (pelaburan aset tetap) menyumbang 23.1 peratus kepada ekonomi Malaysia dari sudut permintaan pada 2019. Bank Negara menjangkakan segmen pelaburan swasta akan menguncup -9.7 peratus berbanding pertumbuhan 1.5 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Unjuran ini adalah berlandaskan kepada permintaan yang lemah dalam suasana ketidaktentuan yang tinggi bagi persekitaran ekonomi semasa. Pelaksanaan projek infrastuktur mega bagi aktiviti pembinaan seperti yang diumumkan kerajaan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN dijangka dapat menyokong pasaran pelaburan bagi mengimbangi perbelanjaan aset jentera dan kelengkapan yang dijangka terjejas.

Prospek pertumbuhan ekonomi dikebanyakan negara turut terkesan dengan situasi kejutan ekonomi global ini. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada Public Invest Daily dan beberapa sumber lain memberikan butiran pasaran ekonomi berikut;

EU: Kajian daripada IHS Markit mendapat **aktiviti pembinaan Jerman pada Mac 2020 turun pada kadar paling ketara** dalam tempoh tujuh tahun kebelakang. Secara keseluruhan PMI Pembinaan turun kepada 42 pada Mac 2020 berbanding 55.8 yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

EU: Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh organisasi statistik rasmi negara Jerman, Destatis mendapat **pengeluaran perindustrian Jerman turun -1.2 peratus** pada Februari 2020 berbanding -0.9 peratus pada bulan sebelumnya.

JEPUN: Purata perbelanjaan isirumah Jepun mencatatkan penurunan -0.3 peratus pada Februari 2020, lebih rendah berbanding -3.4 peratus yang dijangkakan. Pada Januari 2020, purata perbelanjaan isirumah Jepun turun pada kadar -3.9 peratus.

SINGAPURA: Monetary Authority of Singapore (MAS) menyatakan keperluan modal dan kecairan kewangan akan diselaraskan bagi memastikan aktiviti pembiayaan pinjaman dapat dilaksanakan terutama dalam krisis penularan COVID-19. Langkah ini adalah bagi memudahkan keperluan dan program penyeliaan institusi kewangan (FI) untuk membolehkan bank memberi tumpuan dalam menangani isu COVID-19 dan memberi bantuan kepada pelanggan.

INDIA: Tinjauan dari Center for Monitoring Indian Economy Pvt. mendapati **kadar pengangguran** India berisiko untuk **meningkat lebih dari 20 peratus** akibat kehilangan pekerjaan yang disebabkan oleh langkah kuarantin yang dilaksanakan pada hujung Mac 2020 yang lalu. Dapatan ini adalah berasaskan tinjauan yang dijalankan ke atas 9,429 responden pada hujung mac hingga 5 April 2020 yang lepas. Kajian mendapati dari keseluruhan responden, sebanyak 23.4 peratus pengangguran dicatatkan.

HONG KONG: Kerajaan Hong Kong bersedia untuk mengumumkan **pakej rangsangan tambahan** berjumlah daripada **HK\$ 30 bilion** (AS\$ 3.87 bilion) bagi menyokong perniagaan yang dilanda pandemik COVID-19. Pakej bantuan ini akan meliputi perniagaan/ sektor yang tidak diliputi dalam pakej sebelum ini seperti pusat pengajaran, operator bas sekolah dan jurulatih pendidikan jasmani kontrak. Sembilan perniagaan/sektor yang diliputi dalam pakej rangsangan termasuk panggung wayang, gimnasium dan pusat karaoke serta firma lain dalam industri pelancongan.

KOREA SELATAN: Kerajaan Korea Selatan akan **menambah sekitar 56 trilion won (AS\$ 46 bilion) pakej rangsangan ekonomi** bagi membantu mengatasi kejatuhan ekonomi negara tersebut yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Eksport Korea Selatan jatuh -0.2 peratus pada Mac 2020 berbanding peningkatan 4.3 peratus pada bulan sebelumnya. Eksport Korea Selatan turut dijangka menurun pada kadar yang lebih laju pada bulan berikutnya. Bagi menyokong permintaan domestik, sebanyak 17.7 trilion won (US\$ 14.5 bilion) akan disediakan merangkumi potongan cukai sebanyak 12 trilion won (US\$ 9.8 bilion) kepada 7 juta pekerja yang bekerja sendiri. Bagi syarikat permulaan (*start-up*) dan usaha niaga (*venture companies*), sebanyak 2.2 trilion won (US\$ 1.8 bilion) pinjaman disediakan pada kadar yang rendah dan jaminan pinjaman. (Xinhua)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) Harga minyak mentah **dijangka akan turun sehingga ke paras AS\$10 setong** berikutan perang harga minyak antara Arab Saudi dan Russia serta pengurangan mendadak permintaan susulan sekatan pergerakan global bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 2) **International Monetary Fund (IMF)** mengisyiharkan ekonomi dunia memasuki fasa kemelesetan ekonomi yang dijangka lebih teruk berbanding krisis ekonomi *subprime* pada 2008. Dunia diramalkan akan **kehilangan pertumbuhan KDNK sebanyak 2.4 peratus** pada 2020 dan **dijangkakan seramai 25 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan** di seluruh dunia.
- 3) **Kajian Impak PKP kepada isi rumah** mendapati **berlaku penurunan 55 peratus perbelanjaan isi rumah termasuk perbelanjaan kewangan** iaitu sebanyak RM3,504, berbanding **perbelanjaan sebelum PKP** RM6,317 **sebulan**.
- 4) Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) **menjangkakan kemerosotan hasil penumpang sebanyak US\$252 bilion (RM1.09 trilion)** atau **-44 peratus pada 2020 berbanding 2019**. Selain itu, permintaan akan merosot 70 peratus pada suku kedua 2020 dan kerugian sebanyak US\$61 bilion.
- 5) **Proton catat jualan sebanyak 20.4 peratus** pada suku pertama dengan jualan pada bulan Mac **susut 41 peratus** berbanding setahun lalu disebabkan penutupan pusat jualan sejak 18 Mac lalu.
- 6) **Bayaran harga RM150 sehari** untuk penginapan dan makan minum kepada hotel yang digunakan sebagai pusat kuarantin COVID-19 **telah dipersetujui oleh kerajaan dan pihak hotel yang terlibat**.
- 7) **Jualan bazar Ramadan secara pandu lalu, bungkus dan ambil serta penghantaran menggunakan e-hailing** adalah salah satu alternatif bagi mengurangkan kadar penyebaran covid-19.
- 8) **Program eTRADE** adalah **inisiatif** untuk menyediakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) **akses kepada pasaran antarabangsa** menerusi penyertaan dalam talian dalam peneraju **e-marketplace antarabangsa**. PKS juga berjaya **meningkatkan pendapatan eksport dan menembusi pasaran baharu** seperti China, Kemboja, Jepun, Australia, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS).

- 9) **Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) memulakan pengeluaran pelindung muka dan kotak intubasi** bagi kegunaan kakitangan perubatan. Pengeluaran peralatan perlindungan peribadi (PPE) dengan kerjasama syarikat teknologi tempatan itu dihasilkan menggunakan laser bagi tujuan pemotongan, mengelas dan menandakan plastik dengan tepat menggunakan perisian CAD. **Dijangkakan 1,000 pelindung muka dan 50 kotak intubasi dapat dihasilkan setiap hari** menggunakan teknologi berkenaan.
- 10) **Pelabur asing menjual RM17.8 bilion bon dan ekuiti Malaysia** pada Mac 2020, aliran keluar bulanan tertinggi dalam dua tahun ini. **Pelabur asing menjual bon Malaysia berjumlah RM12.3 bilion dan RM5.5 bilion ekuiti** pada Mac 2020.
- 11) **Industri perhotelan dan pelancongan** antara yang terawal terkena tempias serangan pandemik Covid-19. Persatuan Hotel Malaysia (MAH) **menganggarkan kerugian dialami sebanyak RM560.72 juta sepanjang tempoh PKP**, apabila kadar penghunian hotel jatuh kepada 11% daripada 32% pada pertengahan bulan Mac 2020.
- 12) **Dianggarkan 25 juta pekerjaan di dalam bidang penerbangan** dan sektor berkaitannya di seluruh dunia kini berisiko termasuk 11.2 juta di **Asia Pasifik** manakala **5.6 juta pekerjaan di Eropah, Amerika Selatan 2.9 juta**, masing-masing **2 juta di Amerika Utara** dan **Afrika** serta **0.9 juta di Timur Tengah**.
- 13) **Berdasarkan kajian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)**, memberikan amaran bahawa **penyebaran coronavirus** dan **langkah drastik** yang diambil untuk mengekang penularannya pada suku kedua 2020 sahaja, **bakal melenyapkan 6.7 peratus jam bekerja di seluruh dunia** dan bersamaan dengan **195 juta pekerja** sepenuh masa.
- 14) **Penggunaan utiliti dijangka akan meningkat 50 peratus** ketika majoriti rakyat berada di rumah sepanjang masa berbanding hanya sebelah malam sebelum PKP.
- 15) **Real Estate & Housing Developers' Association Malaysia (Rehda)** menggesa kerajaan menggubal undang-undang pengecualian *force majeure* atau **Rang Undang-undang Covid-19** (Langkah Sementara) bagi melindungi industri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Rang undang-undang ini bagi memastikan **setiap pihak dilindungi daripada sebarang tindakan** yang akan dikenakan dalam situasi biasa.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani	<p>Perbelanjaan isi rumah turun 55 peratus sejak PKP – Kajian</p> <p>Kajian Jabatan Perangkaan mendapati, purata perbelanjaan isi rumah, termasuk perbelanjaan kewangan, menurun sebanyak RM3,504 atau 55 peratus berbanding perbelanjaan sebelum PKP.</p> <p>Sebelum PKP, purata perbelanjaan isi rumah adalah sebanyak RM6,317 sebulan yang kini telah jatuh kepada RM2,813.</p> <p>Sementara itu, menurut Kajian Impak PKP Kepada Isi Rumah yang dikeluarkan menerusi laman web jabatan itu semalam, purata perbelanjaan pengguna, tidak termasuk perbelanjaan kewangan, menurun sebanyak RM1,923 (48 peratus) kepada RM2,110 bawah PKP.</p> <p>Antara kategori utama yang mencatatkan penurunan terbesar adalah pakaian dan kasut (95 peratus); pengangkutan (89 peratus); restoran dan hotel (86 peratus); dan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (72 peratus).</p>	http://www.astroawani.com/berita-malaysia/perbelanjaan-isi-rumah-turun-55-peratus-sejak-pkp-kajian-237308#.Xo1YIO2z-7q.whatsapp

2.	The Edge Markets	<p>MPOA, MEOA in talks with Sabah govt over closure of plantation ops in six districts</p> <p>Altogether, there were only three affected companies — with all cases linked to pre-movement control order (MCO).</p> <p>Justifications have also been furnished as to why the plantation sector should not be shut down and the potential risks that can be scary realities involving the estimated 100,000 foreign workers.</p> <p>The associations emphasised that planters have demonstrated and implemented voluntary lockdowns in their various operations and that all guidelines and standard operating procedures relating to the plantation operations under the MCO were adhered to.</p> <p>MPOA and MEO added that any prolonged shutdown will only worsen the situation. They said plantation firms have informed them of huge crop losses and weeds creeping in as a result of the lack of regular field maintenance.</p> <p>As such, this would entail remedial rehabilitation work once the ban on activity is lifted on April 14, which will be a costly exercise.</p> <p>The six districts account for 75% of Sabah's palm oil output.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mpoa-meoas-talks-sabah-govt-over-closure-plantation-ops-six-districts
----	-------------------------	---	---

		Sabah is the biggest palm oil-producing state in the country.	
3.	Berita Harian	<p>PROTON catat 20.4 peratus jualan pada suku pertama</p> <p>Proton Holdings Bhd (PROTON) mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 20.4 peratus kepada 21,757 unit pada suku pertama tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Prestasi jualan bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini, penguasaan pasaran jenama automotif nasional turut melonjak kepada 20.1 peratus daripada jumlah keseluruhan industri (TIV).</p> <p>Sepanjang tempoh PKP ini, PROTON meneruskan operasi bersama kakitangannya yang perlu bekerja dari rumah, serta mendapat kebenaran daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk membenarkan kakitangan terpilih untuk ke kilang bagi menyelenggara kemudahan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/674620/proton-catat-204-peratus-jualan-pada-suku-pertama

Penemuan penting & isu:

- Artikel 1 – Kajian Impak PKP kepada isi rumah mendapati berlaku penurunan 55 peratus perbelanjaan isi rumah termasuk perbelanjaan kewangan, dengan purata sebanyak RM3,504 berbanding perbelanjaan sebelum PKP (RM6,317 sebulan).
- Artikel 4 – Keputusan penutupan keseluruhan operasi ladang dan kilang sawit di enam daerah di negeri Sabah diharap akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah. Hal ini demikian, Sabah merupakan negeri pengeluar minyak sawit terbesar di Malaysia dengan sumbangan 75 peratus.

Maklumbalas Bahagian:

- Perubahan corak perbelanjaan isi rumah sepanjang tempoh pandemik COVID19 dan PKP dijangka akan memberi kesan kepada ekonomi negara. Perbelanjaan Akhir isi rumah merupakan komponen penting kepada permintaan aggregat Malaysia dan menyumbang 58.8 peratus kepada KDNK Malaysia. Pada 2019

Penggunaan Akhir Isi Rumah tumbuh sebanyak 7.6 peratus berbanding 8.0 peratus pada tahun 2018.
2. Penutupan operasi ladang dan kilang sawit akan memberi kesan kepada ekonomi dan pekerja serta pemilik ladang dan kilang sawit, malah turut memberi kesan kepada hasil pendapatan, khususnya Sabah dan secara keseluruhannya kepada negara. Kelapa sawit merupakan penyumbang tertinggi kepada sektor pertanian Malaysia iaitu sebanyak 37.8 peratus. Pada ST4 2019, prestasi pertumbuhan ekonomi bagi sektor pertanian mengalami penurunan disebabkan oleh kemerosotan subsektor kelapa sawit, -16.9 peratus (ST3 2019: 8.4%).

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Malay Mail	<p>Authorities: Panic buying now under control, food supplies sufficient during MCO</p> <p>There was minimal panic buying recorded in Penang during the movement control order (MCO), with sufficient food supplies and increasing supply of face masks at 702 premises including supermarkets, hypermarkets, mini markets, wet markets and sundry shops between 18 March and 7 April 2020.</p> <p>Face mask supplies are expected to slowly come in as normal from this month onwards due to the revision of maximum price for the item from 80 sen to RM1.50 each and a ban on export of the masks from 20 March onwards.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/08/authorities-panic-buying-now-under-control-food-supplies-sufficient-during/1854723
2.	Malay Mail	<p>Selangor announces online Ramadan bazaar platform with Grab</p> <p>An online platform called the E-Bazar Ramadan Selangor Grab will take the place of the traditional</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/08/selangor-announces-online-ramadan-bazaar-platform-with-grab/1854716

		<p>bazaars held during the annual Muslim fasting month.</p> <p>This digital platform that creates a new entrepreneur ecosystem with delivery company Grab Malaysia will enable traders to generate income while giving the people of Selangor to enjoy delicacies to break their fast by ordering online.</p>	
3.	Berita Harian	<p>Harga minyak mentah AS\$10 setong tidak mustahil – penganalisis</p> <p>Penurunan harga minyak mentah dunia ke paras AS\$10 setong adalah tidak mustahil jika simpanan komoditi itu mencapai kapasiti maksimum.</p> <p>Harga kontrak penanda aras minyak mentah antarabangsa, Brent naik 2.5 peratus kepada AS\$32.69 setong, sementara kontrak penanda aras minyak mentah Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) naik 5.7 peratus kepada AS\$24.98 setong pada dagangan pagi di Asia.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/674468/harga-minyak-mentah-as10-setong-tidak-mustahil-penganalisis
4.	Berita Harian	<p>FGV kemuka rayuan keputusan panel aduan RSPO</p> <p>FGV Holdings Bhd (FGV) telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan Panel Aduan (CP) Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) untuk menggantung semula pensijilan kelestarian Kompleks Penapisan Serting dan menggantung semua proses pensijilan mapan bagi</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/674495/fgv-kemuka-rayuan-keputusan-panel-aduan-rspo

		kilang lain FGV yang tidak memiliki sijil itu.	
5.	Berita Harian	<p>Heneiken Malaysia akur arahan tutup kilang</p> <p>Heineken Malaysia Bhd, Syarikat pengeluar minuman keras akur dengan arahan menutup operasi kilangnya di Brewery Sungai Way sehingga 14 April 2020 selaras tempoh PKP Fasa kedua.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/674499/heineken-malaysia-akur-arahan-tutup-kilang
6.	The Sun Daily	<p>Good supply chain needed for economic recovery from COVID-19 impact</p> <p>Sectors hit hardest by the COVID-19 pandemic are likely to see the strongest recovery as pent-up demand is released and production ramps up, but this is provided the supply chain is fixed, according to a report by Baker McKenzie and Oxford Economics.</p> <p>These sectors include motor vehicles and parts, electronics, textiles, headline manufacturing and aerospace and other transport equipment.</p>	https://www.thesundaily.my/business/good-supply-chain-needed-for-economic-recovery-from-covid-19-impact-LA2233519
7.	Berita Harian	<p>Minyak sawit kalis kemelesetan, harga dijangka pulih</p> <p>Permintaan ke atas minyak kelapa sawit dijangka kembali pulih tidak lama lagi, bersandarkan keperluannya dalam menghasilkan pelbagai produk makanan.</p> <p>Permintaan minyak kelapa sawit mengalami kemerosotan ketika ini</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/04/674651/minyak-sawit-kalis-kemelesetan-harga-diangka-pulih

		adalah bersifat jangka pendek. Penurunan itu disebabkan sekatan perjalanan dan kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara bagi menangani penularan COVID-19.	
	B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan		
8.	The Malaysian Reserve	<p>Malaysia Airlines stops flights in Peninsular Malaysia</p> <p>Malaysia Airlines Bhd (MAB) has halted all interstate operations in Peninsular Malaysia since Monday, the first time in the carrier's history, as the coronavirus pandemic has practically destroyed the airline industry. The interstate operations connected Kuala Lumpur to Kuala Terengganu, Kota Baru, Penang, Kuantan, Johor, Alor Star and Langkawi Island.</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/08/malaysia-airlines-stops-flights-in-peninsular-malaysia/
	C. Subsektor Penginapan		
9.	Malay Mail	<p>MAH clarifies hotel members fully aware of RM150 payment</p> <p>Malaysia Association Hotel (MAH) clarified that RM150 per day for agreed rooms and 3 meals. Being gazetted as quarantine centres also means that the property will be under close surveillance before, during and immediately after the quarantine period. Hotels participating as quarantine centres agreed to the rate.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/08/mah-clarifies-hotel-members-fully-aware-of-rm150-subsidy/1854599

D. Subsektor Makanan & Minuman			
10.	Malay Mail	<p>Alternatives for Ramadan bazaars in FT: drive-thrus, pack-and-pick, e-hailing deliveries</p> <p>Ramadan bazaar period with several alternatives in view of the cancellation of the physical bazaars amid the COVID-19 pandemic by including selling food and drinks via drive-thrus, pack-and-pick, and e-hailing services. In the case of drive-thru, food is to be pre-packed and a 20-metre gap between canopies and traders will be arranged according to segments.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/08/alternatives-for-ramadan-bazaars-in-ft-drive-thrus-pack-and-pick-e-hailing/1854758
E. Subsektor Kesihatan Swasta			
11.	Bernama	<p>COVID-19: Private labs ramp up sample collection and testing nationwide</p> <p>A consortium of three associated laboratories namely Gribbles Pathology (Malaysia), Quantum Diagnostics and Clinipath Malaysia today launched the country's largest COVID-19 collection and testing programme to assist the country's effort to flatten the curve of infection.</p> <p>Meanwhile, another private lab Lablink (M) Sdn Bhd has been providing testing of the appropriate specimens received from hospitals both from walk-in members of the public as well as inpatients. The number of specimens handled has witnessed a steady increase and may reach to about 1,000 per day.</p>	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1829763

12.	Berita Harian	<p>COVID-19: PPUiTM sasar 200 sampel ujian sehari mulai esok</p> <p>Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi Mara (PPUiTM) akan meningkatkan kapasiti makmal ujian sampel saringan dan pengesanan COVID-19 kepada 200 sampel sehari, bermula esok.</p> <p>Usaha ini adalah untuk meningkatkan kapasiti ujian sampel COVID-19 bagi membantu serta meringankan beban kerja Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menangani wabak penyakit itu.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674418/covid-19-ppuitm-sasar-200-sampel-ujian-sehari-mulai-esok
13.	The Malaysian Reserve	<p>Coronavirus to Hit Healthcare Sector's Earnings</p> <p>AmBank Research anticipates a contraction in the healthcare sector's earnings in 2020 due to the COVID-COVID19 pandemic which will significantly impact the sector in the short term. The COVID-19 pandemic is expected to negatively impact hospitals' inpatient and outpatient volumes as medical tourists decline and non-essential cases are deferred.</p> <p>KPJ and IHH are offering private COVID-19 tests in Malaysia. KPJ offers COVID-19 tests through 12 of its hospitals and has also made it compulsory for its patients to go through COVID-19 screening upon admission to seven of its hospitals. The group has recently scaled up its testing capacity from 150 in the beginning to around one million tests per day. As a result, the group was able to lower</p>	https://themalaysianreserve.com/2020/04/08/coronavirus-to-hit-healthcare-sectors-earnings/

		the price of the test kits to RM388 starting April 3, 2020 from roughly RM600 previously.	
14.	The Malaysian Insight	<p>Persatuan insurans peruntuk RM2 juta untuk ujian COVID-19</p> <p>Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah memperuntukkan RM2 juta bagi Dana Ujian COVID-19 (CTF) sebagai sebahagian daripada sumbangan industri insurans yang berjumlah RM8 juta.</p> <p>Langkah ini merupakan antara usaha pihak industri untuk membantu rakyat yang terjejas dari segi kesihatan secara serta merta akibat virus itu dan impak ekonomi yang selanjutnya. Langkah itu juga akan membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia berpeluang menjalani ujian untuk membendung penularan virus tersebut.</p>	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/235849

Penemuan penting & isu:

1. Pembelian panik di Pulau Pinang sepanjang PKP berada dalam keadaan yang terkawal dengan bekalan makanan yang mencukupi di 702 premis termasuk pasar raya, pasar raya besar, pasar mini, pasar basah dan kedai runcit.
2. Harga minyak mentah dijangka akan turun sehingga ke paras AS\$10 setong berikutan perang harga minyak antara Arab Saudi dan Russia serta pengurangan mendadak permintaan susulan sekatan pergerakan global bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
3. FGV mengemukakan rayuan kepada Panel Aduan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) bagi menggantung semula pensijilan kelestarian Kompleks Penapisan Serting.
4. Operasi kilang minuman keras, Heineken Malaysia Bhd akan ditutup sepanjang tempoh PKP fasa kedua.
5. Ekonomi yang terjejas akibat COVID-19 dapat dipulihkan melalui rantaian bekalan yang baik khususnya bagi sektor kenderaan bermotor, aksesori kenderaan bermotor, barang elektronik, tekstil, sektor pembuatan, aeroangkasa dan kelengkapan pengangkutan lain.

6. Permintaan ke atas minyak kelapa sawit dijangka kembali pulih tidak lama lagi bersandarkan keperluannya dalam menghasilkan pelbagai produk makanan.
7. Proton catat jualan sebanyak 20.4 peratus pada suku pertama dengan jualan pada bulan Mac susut 41 peratus berbanding setahun lalu disebabkan penutupan pusat jualan sejak 18 Mac lalu.
8. Malaysia Airlines telah menghentikan operasi penerbangan (sementara) dalam negeri di Semenanjung Malaysia sejak 6 April 2020 atas sebab kelemahan *load factor* yang ketara hingga menyebabkan syarikat itu tidak berupaya beroperasi secara berdaya maju.
9. Bayaran harga RM150 sehari untuk penginapan dan makan minum kepada hotel yang digunakan sebagai pusat kuarantin COVID-19 telah dipersetujui oleh kerajaan dan pihak hotel yang terlibat.
10. Persatuan Hotel Malaysia menyangkal kenyataan di dalam *Free Malaysia Today* dimana pengusaha hotel beranggapan kerajaan akan membayar harga penuh kepada bilik hotel.
11. Jualan bazar Ramadan secara pandu lalu, bungkus dan ambil serta penghantaran menggunakan e-hailing adalah salah satu alternatif bagi mengurangkan kadar penyebaran covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Platform perniagaan secara atas talian menggantikan Pasar Ramadhan yang diumumkan kerajaan mampu membantu industri jualan makanan dan minuman.
2. Jualan kenderaan bermotor dijangka mengalami penyusutan pada Mac 2020 kesan dari penutupan pusat jualan sepanjang tempoh PKP.
3. Jualan barang runcit di pasar raya, pasar raya besar, pasar mini, pasar basah dan kedai runcit dijangka mengalami peningkatan dalam tempoh PKP.
4. Penghentian sementara operasi penerbangan Malaysia Airlines di semenanjung Malaysia ini akan menyebabkan kejatuhan bilangan trafik penumpang yang sebelum ini diunjurkan berkurangan antara 20 hingga 40 peratus.
5. Kadar bilik hotel bagi hotel yang diwartakan sebagai pusat kuarantin COVID-19 akan memberi impak kepada hasil jualan pengusaha hotel sepanjang tempoh PKP ini.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	New Straits Times	<p>KPDNHEP: Shortage of eggs due to logistics challenges</p> <p>The difficulty in obtaining eggs in certain areas currently has been attributed to delivery issues, coupled with high demand.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/582560/kpdnhep-shortage-eggs-due-logistics-challenges

		<p>Due to the high demand of eggs, places that are far from where the producers are located may take time to receive the supply. This could be due to roadblocks or other reasons.</p> <p>But producers have assured that there is sufficient supply, in fact, there is even surplus which can be exported.</p>	
2.	New Straits Times	<p>Covid-19 may spark 'devastating' global condom shortage</p> <p>Malaysia – one of the world's top rubber producers and a major source of condoms – imposed a nationwide lockdown last month as infections surged to the highest level in Southeast Asia.</p> <p>But restrictions on the operations of Malaysian contraceptive giant Karex, which makes one in every five condoms globally, mean the firm expects to produce 200 million fewer condoms than usual from mid-March to mid-April.</p> <p>With other producers around the world likely facing disruption and difficulties in getting condoms to market due to transport problems, supplies of contraceptives will be hit hard.</p> <p>Karex, which supplies condoms to many companies as well as</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/04/582415/covid-19-may-spark-devastating-global-condom-shortage

	<p>governments and for distribution by aid programmes, had to close its three Malaysian factories for a period at the start of the country's lockdown, which is due to last until April 14.</p> <p>Despite the warnings about a potential shortage, there are positive signs from condom makers in China.</p> <p>HBM Protections, which makes more than one billion condoms a year, said production is back to normal levels and it is pushing ahead with earlier plans to triple its number of manufacturing lines by the end of the year. Shanghai Mingbang Rubber Products also said it was ready to ramp up condom exports, which currently make up only about 10 percent of its output, if there is a global shortfall.</p>	
3.	<p>Business Recorder 7 April 2020</p> <p>Malaysian palm oil moves higher</p> <p>Malaysian palm oil futures ended higher on Monday, snapping a four-day losing streak, as cargo surveyor data showed better-than-expected exports for the first five days of this month.</p> <p>Palm prices fell 5.6% last week on demand worries as more countries, including top buyer India, closed businesses and imposed lockdowns to stem the spread of the coronavirus.</p>	https://www.brecorder.com/2020/04/07/587000/malaysia-palm-oil-moves-higher/

		Palm oil exports during April 1-5 rose 10.6% from a month earlier. Malaysia's end-March palm oil stockpile likely fell 1.9% from February to 1.65 million tonnes, a Reuters survey showed. Output was forecast to rise 2%, while exports likely jumped 6%.	
4.	Market Access Map, International Trade Centre (ITC)	<p>COVID-19 Temporary Trade Measures</p> <p>Daily update of COVID-19 trade measures:</p> <p>Switzerland eliminates tariffs on personal protective equipment. (Effective on 08/04/2020)</p> <p>Turkey subjects lemons to export control. (Effective on 07/04/2020)</p>	https://www.macmap.org/en/covid19
5.	Berita Harian	<p>eTRADE sedia PKS akses pasaran antarabangsa: MATRADE</p> <p>Program eTRADE adalah inisiatif untuk menyediakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akses kepada pasaran antarabangsa menerusi penyertaan dalam talian dalam peneraju e-marketplace antarabangsa.</p> <p>Di bawah program ini, MATRADE bekerjasama dengan 20 e-marketplace untuk menyediakan PKS pilihan e-marketplace yang menepati pelan perniagaan mereka. Antaranya ialah Alibaba, eBay,</p>	https://www.bhariani.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/67466/etrade-sedia-pks-akses-pasaran-antarabangsa-matrade

	<p>Amazon, HalalStreet, eRomman, TradeIndia, Tmall Global and JD.com, sementara e-marketplace tempatan termasuk BuyMalaysia, DagangHalal, MineBisz dan AVANA.</p> <p>PKS juga berjaya meningkatkan pendapatan eksport dan menembusi pasaran baharu seperti China, Kemboja, Jepun, Australia, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS).</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia merupakan antara pengekport utama di dunia bagi kondom. Karex Berhad yang mengeluarkan satu daripada lima kondom di dunia, terpaksa menutup tiga kilangnya di Malaysia dan tidak mengeluarkan sebarang produk itu sejak 18 Mac lepas apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Walaubagaimanapun, syarikat pengeluar kondom di China bersedia untuk meningkatkan pengeluaran bagi eksport kondom sekiranya berlaku kekurangan bagi produk tersebut di peringkat global.
2. Eksport minyak sawit mentah pada 1-5 April 2020 meningkat sebanyak 10.6% berbanding bulan sebelumnya. Berdasarkan kajian Reuters, pengeluaran minyak sawit mentah dijangka akan meningkat sebanyak 2%, manakala eksport akan melonjak sebanyak 6%.
3. Switzerland telah menghapuskan tarif bagi peralatan perlindungan diri. Manakala, Turki telah mengenakan kawalan eksport bagi buah lemon.
4. Program eTRADE adalah inisiatif untuk menyediakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akses kepada pasaran antarabangsa menerusi penyertaan dalam talian dalam peneraju e-marketplace antarabangsa. PKS juga berjaya meningkatkan pendapatan eksport dan menembusi pasaran baharu seperti China, Kemboja, Jepun, Australia, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS).

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport telur (HS 0407) pada tahun 2019 bernilai RM605.1 juta. Antara destinasi utama eksport telur pada tahun 2019 ialah Singapura (RM520.1 juta, 85.9%), Hong Kong (RM54.2 juta, 9.0%) dan Brunei Darussalam (RM14.6 juta, 2.4%). Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengeksport telur bernilai RM40.9 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport telur jatuh sebanyak RM9.6 juta atau 19.1% daripada RM50.5 juta.

PKP yang dilaksanakan pada 18 Mac 2020 sehingga 14 April 2020 dijangka akan memberi kesan terhadap eksport telur.

2. Nilai eksport kondom (HS 4014100000) pada tahun 2019 berjumlah RM322.1 juta. Destinasi utama eksport kondom pada tahun 2019 ialah Afrika Selatan (RM33.6 juta, 10.4%), China (RM30.3 juta, 9.4%) dan Brazil (RM21.7 juta, 6.7%). Nilai eksport kondom dijangka akan menurun pada tahun 2020 berikutan pengeluar utama tempatan iaitu Karex Berhad tidak mengeluarkan sebarang produk kondom sejak 18 Mac 2020 apabila PKP dikuatkuasakan. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengeksport RM23.5 juta kondom. Berasaskan tahun ke tahun, eksport kondom meningkat RM2.8 juta atau 13.4% daripada RM20.7 juta. Manakala, eksport kondom jatuh sebanyak RM2.7 juta atau 10.2% daripada RM26.2 juta berdasarkan bulan ke bulan.
3. Nilai import minyak sawit mentah (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak sawit mentah bernilai RM185.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak sawit mentah jatuh sebanyak RM19.9 juta atau 9.7% daripada RM204.9 juta. Manakala, nilai eksport minyak sawit mentah ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Februari 2020, eksport minyak sawit mentah bernilai RM2.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak sawit mentah meningkat RM331.1 juta atau 13.2% daripada RM2.5 bilion.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Star	<p>Condom shortage looms after biggest producers in Malaysia shut for Covid-19</p> <p>A global condom shortage is looming as the coronavirus pandemic shutters factories and disrupts supply chains, the world's top maker of the contraceptives said, with the United Nations warning of "devastating" consequences.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/08/condom-shortage-looms-after-biggest-producers-in-malaysia-shut-for-covid-19

2.	Malay Mail	US pushes back on call by Opec+ to join big oil output cuts Saudi Arabia, Russia and allied oil producers will agree to deep cuts to their crude output at talks this week only if the United States and several others join in with curbs to help prop up prices that have been hammered by the coronavirus crisis.	https://www.malaymail.com/news/money/2020/04/08/us-pushes-back-on-call-by-opec-to-join-big-oil-output-cuts/1854529
3.	Berita Harian	MARii mula hasilkan pelindung muka, kotak intubasi Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) memulakan pengeluaran pelindung muka dan kotak intubasi bagi kegunaan kakitangan perubatan dalam usaha membendung penyebaran pandemik COVID-19.	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/674634/marii-mula-hasilkan-pelindung-muka-kotak-intubasi
4.	The Star	Khaled Nordin: Govt should help construction industry, but not necessarily with cash The government should help the construction industry which has been severely impacted with huge losses since the movement control order (MCO) took effect.	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/08/khaled-nordin-govt-should-help-construction-industry-but-not-necessarily-with-cash
5.	Malaysia Gazette	Rehda saran Rang Undang-undang Covid-19 Negara memerlukan rang undang-undang pengecualian 'force majeure' yang menyeluruh atau Rang Undang-Undang Covid-19 (Langkah	https://malaysiagazette.com/2020/04/08/rehda-saran-rang-undang-undang-covid-19/

		Sementara) bagi melindungi peserta dari semua industri secara sah.	
6.	Upstream	<p>Petronas contractor off Malaysia confirmed with Covid-19</p> <p>A worker off Malaysia has tested positive for Covid-19, the second such confirmed case in Southeast Asia's second largest oil producer.</p>	https://www.upstrea monline.com/corona virus/petronas-contractor-off-malaysia-confirmed-with-covid-19/2-1-788626
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia yang merupakan pengeluar getah terbesar dan sumber utama kondom telah mengurangkan pengeluaran selepas jangkitan COVID-19 meningkat mendadak di Asia Tenggara. Sekatan operasi kepada Karex menyebabkan syarikat tersebut dijangka mengurangkan 200 juta pengeluaran kondom bermula pertengahan Mac hingga pertengahan April. 2. Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) memulakan pengeluaran pelindung muka dan kotak intubasi bagi kegunaan kakitangan perubatan dalam usaha membendung penyebaran pandemik COVID-19. Pengeluaran peralatan perlindungan peribadi (PPE) dengan kerjasama syarikat teknologi tempatan itu dihasilkan menggunakan laser bagi tujuan pemotongan, mengelas dan menandakan plastik dengan tepat menggunakan perisian CAD. Dijangkakan 1,000 pelindung muka dan 50 kotak intubasi dapat dihasilkan setiap hari menggunakan teknologi berkenaan. 3. Kerajaan boleh membantu pemain sektor pembinaan dengan menguatkuasakan pelepasan sementara dari tanggungjawab kontrak kepada semua syarikat pembinaan sepanjang pandemic. 4. Kerja telah dihentikan sementara di Petronas Carigali di Tukau Timur. 			
Maklumbalas Bahagian:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemantauan pertubuhan utama sektor pembuatan, pembinaan dan perlombongan yang terkesan akibat pandemic dan PKP dalam tempoh Mac hingga April 2020. 2. Bahagian akan membuat semakan ke atas kesan perubahan dalam inovasi dan penggunaan teknologi seperti penghasilan produk PPE yang lebih banyak dalam masa yang singkat. 			

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge	<p>Malaysia sees largest monthly foreign selling in two years in March — UOB</p> <p>Malaysia has recorded its largest monthly foreign outflow in two years of RM17.8 billion in March, from RM10.1 billion in February 2020, as the unabating Covid-19 fears triggered outflows from emerging markets. Foreigners sold net RM12.3 billion of Malaysian bonds and RM5.5 billion of domestic equities last month. The foreign selling this month brings the amount of outflows to RM24.5 billion in the first quarter of this year (1Q20), which more than offset the inflows of RM12.3 billion in the previous quarter.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-sees-largest-monthly-foreign-selling-two-years-march-%E2%80%94-uob
2.	The Star	<p>MISC could see earnings downside from LNG segment</p> <p>MISC BHD is facing a weaker outlook as the economic environment poses several risks to earnings. The LNG segment could pose downside risks as two of MISC's vessels' contracts are set to expire in 2Q and 3Q while another two in 1Q21 will expire with an option to extend. Affin Hwang does not expect MISC to benefit much from higher tanker rates in the near term as its portfolio mix is weighted towards term versus spot at 78:28, while all of its VLCC vessels are already committed to long-term contracts.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/08/misc-could-see-earnings-downside-from-lng-segment

3.	The Star	<p>Nearly half of global coal plants will be unprofitable this year</p> <p>China and other countries could be planning to build more coal plants to stimulate their economies in the wake of the novel coronavirus pandemic but nearly half of global coal plants will run at a loss this year. Malaysia too has coal powered power stations. London-based environmental think tank Carbon Tracker analysed the profitability of 95% of coal plants in operation or planned around the world. It looked at 6,696 operational plants and 1,046 in the pipeline and found that 46% will be unprofitable this year, up from 41% in 2019, based on estimated revenues from wholesale power markets, ancillary and balancing services and capital markets, as well as running costs, carbon pricing and pollution policies.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/08/nearly-half-of-global-coal-plants-will-be-unprofitable-this-year
4.	The Star	<p>Unrestricted thoughts - Virus' effects on hotels, airlines, tourism</p> <p>The hotel and tourism industry were among the first that affected by the Covid-19 pandemic. The industry received help by encouraging domestic tourism to fill the void left behind from foreigners not travelling to Malaysia.</p> <p>The Malaysian Association of Hotels (MAH) is projecting a revenue loss of RM560.72 mil for just the MCO period as</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/08/unrestricted-thoughts---virus039-effects-on-hotels-airlines-tourism

		occupancy rates fall to 11% from 32% in the middle of last month. It also reported that 2,041 employees have been laid off, 9,773 given unpaid leave and 5,054 people have taken a pay cut as at the end of March. Those numbers are expected to rise in the next few months with any recovery only expected in the third quarter. The airlines companies also have to ask their staff to take unpaid leave and pay cut for the senior team.	
5.	Berita Harian	<p>Sime Darby Plantation manfaat kenaikan harga MSM</p> <p>Sime Darby Plantation Bhd berpeluang cerah untuk memanfaatkan harga minyak sawit mentah (MSM) yang lebih tinggi selepas melepaskan pegangannya dalam aset Liberia.</p> <p>Bahagian hiliran syarikat itu dijangka lebih baik didorong peningkatan permintaan daripada perniagaan makanan yang dibungkus susulan kekangan pergerakan serta menjadi antara bahan penting untuk cecair pembersih tangan nyah kuman, produk yang paling laris berikutan pandemik Covid-19.</p> <p>Harga dan eksport MSM dijangka meningkat lebih tinggi apabila wabak Covid-19 berjaya ditangani.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/674066/sime-darby-plantation-manfaat-kenaikan-harga-msm

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Pelabur asing menjual RM17.8 bilion bon dan ekuiti Malaysia pada Mac 2020, aliran keluar bulanan tertinggi dalam dua tahun ini. Pelabur asing menjual bon Malaysia berjumlah RM12.3 bilion dan RM5.5 bilion ekuiti pada Mac 2020.
2. Akhbar 2: MISC Berhad akan menghadapi risiko dari segi segmen LNG di mana MISC Berhad mempunyai kontrak vesel yang akan tamat pada Q2 dan Q3 dengan dua lagi kontrak pada Q1,2021.
3. Akhbar 3: Carbon Tracker menjangka 46% daripada loji penjana kuasa di dunia akan mengalami kerugian, meningkat daripada 41% pada tahun 2019. Analisa ini juga termasuk loji penjana kuasa yang beroperasi di Malaysia.
4. Akhbar 4: Industri perhotelan dan pelancongan antara yang terawal terkena tempias serangan pandemik Covid-19. Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menganggarkan kerugian dialami sebanyak RM560.72 juta sepanjang tempoh PKP, apabila kadar penghunian hotel jatuh kepada 11% daripada 32% pada pertengahan bulan Mac 2020.
5. Akhbar 5: Bahagian hiliran syarikat Sime Darby Plantation Bhd dijangka meningkat didorong peningkatan permintaan makanan yang dibungkus dan tidak mudah rosak serta cecair pembersih tangan nyah kuman. Harga dan eksport MSM dijangka meningkat lebih tinggi apabila wabak Covid-19 berjaya ditangani.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Sebanyak RM17.8 bilion bon dan ekuiti Malaysia telah dijual oleh pelabur asing pada Mac 2020. Penjualan bon dan ekuiti Malaysia oleh pelabur asing dijangka akan membawa kesan kepada penyusunan statistik pelaburan portfolio terutamanya pada suku tahun pertama tahun 2020. Pelaburan portfolio telah mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM37.7 bilion pada tahun 2019.
2. Akhbar 2: Risiko yang mungkin dihadapi syarikat pengangkutan dalam segmen LNG akan menjelaskan pendapatan syarikat tersebut. Situasi ini bakal mempengaruhi penyusunan statistik komponen Pengangkutan dalam eksport perkhidmatan.
3. Akhbar 3: Kerugian yang dihadapi oleh loji penjana kuasa akan dilihat kesannya dalam penyusunan statistik import barang di mana arang batu merupakan barang import kepada Malaysia. Pada tahun 2019, import barang telah mencatatkan RM692.2 bilion.
4. Akhbar 4: Industri perhotelan dan pelancongan antara yang terkesan akibat serangan Covid-19. Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menganggarkan kerugian dialami sebanyak RM560.72 juta sepanjang tempoh PKP. Situasi ini bakal mempengaruhi Akaun Perkhidmatan melalui komponen Perjalanan dan Pengangkutan. Eksport kedua-dua perkhidmatan ini masing-masing telah menyumbangkan RM82.1 bilion dan RM21.6 bilion pada tahun 2019.

5. Akhbar 5: Peningkatan permintaan makanan yang dibungkus dan tidak mudah rosak serta produk cecair pembersih tangan nyah kuman bakal mempengaruhi peningkatan harga dan eksport MSM apabila wabak Covid-19 berjaya ditangani. Perkara ini bakal memberi kesan kepada akaun barang di mana eksport barang telah merekodkan sebanyak RM817.8 bilion pada tahun 2019.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Bernama	<p>COVID-19: Impak Pandemik Kepada Ekonomi Dan Dasar Pemulihan</p> <p>International Monetary Fund (IMF) mengisyiharkan ekonomi dunia memasuki fasa kemelesetan ekonomi disebabkan aktiviti ekonomi yang terganggu akibat wabak COVID-19.</p> <p>Kemelesetan ekonomi ini dijangka lebih terkesan berbanding krisis ekonomi subprime pada 2008 yang berpunca daripada penguncutan kecairan dalam sistem perbankan akibat pecahnya gelembung perumahan (<i>house price bubbles</i>) di Amerika Syarikat.</p> <p>Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Bank Dunia meramalkan dunia akan kehilangan pertumbuhan KDNK sebanyak 2.4 peratus pada 2020, kesan daripada COVID-19. Bloomberg menyatakan pertumbuhan KDNK boleh mencapai kadar sifar atau negatif dalam keadaan kes terendah. Pertubuhan Buruh</p>	https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1829721

		Antarabangsa (ILO) meramalkan sebanyak 25 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan di seluruh dunia.	
2.	New Straits Times	<p>Face mask supplies in Penang improving</p> <p>Face mask supplies in Penang has improved to 35.5 per cent compared to a mere 4.7 per cent in February. Face mask supplies is expected to continue to improve in April following the ceiling price announcement of RM1.50 for each three-ply piece.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/582496/face-mask-supplies-penang-improving
3.	Berita Harian	<p>Penerbangan Asia Pasifik terjejas, 11.2 juta bakal hilang kerja</p> <p>Sekurang-kurangnya 25 juta pekerjaan di peringkat global termasuk 11.2 juta di rantau Asia Pasifik berisiko hilang susulan kemerosotan permintaan mendadak bagi perjalanan udara akibat krisis penularan COVID-19.</p> <p>Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) berkata syarikat-syarikat penerbangan turut meminta kerajaan masing-masing menyalurkan bantuan kewangan segera untuk membolehkan perniagaan kekal bertahan dan mampu pulih selepas pandemik itu.</p> <p>Di peringkat global misalnya, kehidupan 65.5 juta orang bergantung dengan industri penerbangan, termasuk sektor seperti pengembalaan dan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/674520/covid-19-penerbangan-asia-pasifik-terjejas-112-juta-bakal-hilang

		<p>pelancongan dan daripada jumlah itu turut membabitkan 2.7 juta pekerjaan dalam syarikat penerbangan.</p> <p>Syarikat-syarikat penerbangan dijangka menyaksikan hasil penumpang bagi tahun penuh merosot sebanyak AS\$252 bilion (RM1.09 trilion) atau - 44 peratus pada 2020 berbanding 2019.</p> <p>Permintaan dijangka merosot 70 peratus bagi suku kedua 2020, paras terburuknya selain kerugian tunai sebanyak AS\$61 bilion.</p>	
4.	Astro Awani	<p>Kerajaan Selangor lancar E-Bazar Ramadan, Grab sebagai penghantar</p> <p>Susulan pembatalan penganjuran bazar Ramadan di Selangor yang dijangka menjaskan pendapatan hampir 17 ribu peniaga dan penjaja, Kerajaan Selangor mengumumkan akan melaksanakan satu inisiatif pembelian dalam talian (<i>online</i>) bagi menggantikan bazar Ramadan yang berkonsepkan fizikal.</p> <p>Platform digital ini dinamakan E-Bazar Ramadan Selangor Grab membolehkan para peniaga menjana pendapatan semasa Ramadan.</p> <p>Konsep bazar Ramadan digital membenarkan pembelian dalam talian melalui aplikasi Grab selain mematuhi segala spesifikasi penyediaan</p>	http://www.astroawani.com/berita-bisnes/kerajaan-selangor-lancar-e-bazar-ramadan-pertama-grab-sebagai-penghantar-237350

	<p>makanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</p> <p>Pelaksanaan akan diselaras oleh Menteri Besar Pemerbadanan (MBI) dan HIJRAH.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. International Monetary Fund (IMF) mengisyiharkan ekonomi dunia memasuki fasa kemelesetan ekonomi yang dijangka lebih teruk berbanding krisis ekonomi subprime pada 2008. Dunia diramalkan akan kehilangan pertumbuhan KDNK sebanyak 2.4 peratus pada 2020 dan dijangkakan seramai 25 juta pekerja akan kehilangan pekerjaan di seluruh dunia.
2. Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) menjangkakan seramai 25 juta orang akan kehilangan pekerjaan yang termasuklah industri yang bergantung dengan sektor penerbangan termasuk sektor pengembalaan dan pelancongan. IATA juga menjangkakan kemerosotan hasil penumpang sebanyak US\$252 bilion (RM1.09 trilion) atau -44 peratus pada 2020 berbanding 2019. Selain itu, permintaan akan merosot 70 peratus pada suku ke dua 2020 dan kerugian sebanyak US\$61 bilion.

Maklumbalas Bahagian:

1. Ramalan ekonomi dunia akan memasuki fasa kemelesetan yang lebih teruk perlu diambil serius dan penggubal dasar harus mengambil langkah-langkah mitigasi ekonomi yang agresif supaya dapat mengurangkan kesan pandemik ini kepada ekonomi.
2. Industri penerbangan yang terjejas akibat wabak COVID dan kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) global akan memberi impak yang ketara kepada industri pelancongan yang merupakan antara penyumbang tertinggi kepada KDNK. Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan merekodkan 15.2 peratus kepada KDNK pada tahun 2018.

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian	<p>Kadar penggunaan utiliti meningkat 50 peratus sepanjang PKP</p> <p>Kadar penggunaan utiliti seperti elektrik, gas dan air dijangka meningkat sehingga 50 peratus sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.</p>	https://www.sinarhari-an.com.my/article/77827/BERITA/Nasional/Kadar-penggunaan-utiliti-meningkat-50-peratus-sepanjang-PKP

		<p>Turut mengalami kenaikan ialah pembelian barang penjagaan diri yang menyumbang sebanyak 43.9 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pelbagai barang dan perkhidmatan.</p> <p>Perbelanjaan bagi makanan dan minuman pula meningkat sebanyak 27 peratus dengan mengambil kira pembelian bahan mentah bagi makanan yang dibeli di luar rumah sebelum PKP.</p> <p>Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, hasil kajian mendapati, isi rumah tidak lagi membeli barang tahan lama dan separa tahan lama sepanjang tempoh PKP kecuali pembelian secara dalam talian.</p>	
2.	My Metro	<p>Jangan bimbang telur mencukupi</p> <p>KESUKARAN mendapatkan telur di sesetengah kawasan adalah disebabkan masalah penghantaran bekalan yang lambat di samping permintaan yang tinggi ketika ini.</p> <p>Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pengeluar telur sudah memberi jaminan bahawa bekalan telur adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan dalam negara.</p> <p>"Oleh kerana permintaan (telur) sangat tinggi, tempat yang jauh</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564120/jangan-bimbangtelur-mencukupi

	dari lokasi pengeluar bekalan agak lambat sampai.	
Penemuan penting & isu:		
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Purata perbelanjaan isi rumah, termasuk perbelanjaan kewangan, menurun sebanyak RM3,504 atau 55 peratus berbanding perbelanjaan sebelum PKP. 2. Sebelum PKP, purata perbelanjaan isi rumah adalah sebanyak RM6,317 sebulan yang kini telah jatuh kepada RM2,813. Ini termasuk perbelanjaan kewangan seperti cukai pendapatan dan cukai langsung, KWSP, PERKESO, bayaran nafkah dan pemberian kepada isi rumah lain. 3. Purata perbelanjaan pengguna, tidak termasuk perbelanjaan kewangan, menurun sebanyak RM1,923 (48 peratus) kepada RM2,110 bawah PKP. 4. Antara kategori utama yang mencatatkan penurunan terbesar adalah pakaian dan kasut (95 peratus); pengangkutan (89 peratus); restoran dan hotel (86 peratus); dan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (72 peratus). Pada masa yang sama perbelanjaan untuk makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 27 peratus ekoran keperluan lebih banyak bahan mentah bagi tujuan makan di rumah. 5. Penggunaan utiliti dijangka akan turut meningkat 50 peratus ketika majoriti rakyat berada di rumah sepanjang masa berbanding hanya sebelah malam sebelum PKP. 6. Golongan T20 menunjukkan perbezaan paling ketara dalam perbelanjaan penggunaan ketika PKP iaitu penurunan sebanyak 59 peratus. Ini diikuti oleh kumpulan M40 dengan penurunan sebanyak 48 peratus dan B40 dengan 41 peratus. 7. Pada 2019, sektor isi rumah menyumbang sebanyak 59.8 peratus kepada KDNK nominal negara. 8. Bantuan dan suntikan kewangan dari kerajaan perlu dibelanjakan bagi merancakkan ekonomi Negara. 9. Kelewatan pembelanjaan wang oleh isi rumah akibat daripada PKP dan kebimbangan COVID-19 akan turut melewatkkan proses pemulihan ekonomi. 10. Pengeluar memberi jaminan bekalan mencukupi dan melebihi permintaan, malah lebihnya akan dieksport. 	

Maklumbalas Bahagian:

1. Sekiranya pengeluaran telur berkurang dan dalam masa yang sama permintaannya adalah tinggi sewaktu PKP ini, ianya dijangka akan memberi kesan kenaikan harga kepada IHP April 2020 bagi sub-kumpulan 014 – Susu, Keju & Telur.

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>COVID-19: Penangguhan haji tahun ini belum pasti</p> <p>Arab Saudi masih belum membuat keputusan rasmi berhubung ibadah haji tahun ini, sama ada akan ditangguhkan atau sebaliknya.</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/674575/covid-19-penangguhan-haji-tahun-ini-belum-pasti
2.	Sinar Harian	<p>Gelandangan di Terengganu dijaga di tempat khusus</p> <p>Golongan gelandangan di Terengganu akan ditempatkan di beberapa lokasi khusus buat sementara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/77923/EDISI/Terengganu/Gelandangan-di-Terengganu-dijaga-di-tempat-khusus
3.	Metro	<p>Hanya 230 gelandangan dikesan</p> <p>Kerajaan negeri Johor hanya mengesan 230 gelandangan di sekitar Johor Bahru dalam beberapa siri operasi untuk mengumpulkan golongan itu sejak minggu lalu.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/563901/hanya-230-gelandangan-dikesan
4.	Berita Harian	<p>Kedutaan bawa pulang rakyat Malaysia di Bangkok</p> <p>Pada 4 April 2020, 101 rakyat Malaysia termasuk pelajar di Thailand menaiki penerbangan khas Malaysia Airlines untuk pulang ke negara asal. Sehingga kini, lebih 200 rakyat Malaysia yang terkandas di wilayah selatan Thailand sudah pulang ke negara asal melalui sempadan, selepas</p>	https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2020/04/674251/kedutaan-bawa-pulang-rakyat-malaysia-di-bangkok

		mendapatkan kelulusan gabenor wilayah.	
5.	Berita Harian	PKP: Tempoh perlu dilanjutkan, kes masih membimbangkan Jumlah kes jangkitan COVID-19 yang belum menunjukkan penurunan ketara serta tahap pematuhan rakyat yang masih rendah menjadi faktor mengapa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu dilanjutkan.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674696/pkp-tempoh-perlu-dilanjutkan-kes-masih-membimbangkan
6.	Metro	Covid:19: 166 pulih, dua kematian Noor Hisham berkata, dua kematian dilaporkan hari ini menjadikan keseluruhan 65 kematian.	https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/564053/covid-19-166-pulih-dua-kematian
Penemuan penting & isu:			
<ol style="list-style-type: none"> 1. Keputusan mengenai ibadah haji pada tahun 2020 belum diputuskan oleh kerajaan Arab Saudi. 2. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan gelandangan mempunyai tempat tinggal sementara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilanjutkan sehingga 14 April 2020. Sebagai contoh, Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kesihatan dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) bagi operasi perpindahan gelandangan ke pusat penempatan sementara. 3. Terdapat 233 rakyat Malaysia yang terkandas dan kebanyakannya berada di wilayah selatan. Kerajaan Thailand mengumumkan penutupan semua sembilan pusat pemeriksaan sempadannya dengan Malaysia sehingga diberitahu kelak. 4. Sebanyak 60 peratus ibu bapa yang akan membuat bayaran secara bulanan dan selebihnya akan membuat bayaran selepas tiga bulan. Ini menjaskankan pendapatan pengusaha bas sekolah dalam tempoh PKP. 5. Keputusan untuk melanjutkan atau menamatkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bergantung kepada kes COVID-19 yang direkodkan dan tahap pematuhan rakyat terhadap PKP. Sehingga 8 April 2020, 65 kematian telah berlaku di Malaysia. Didapati bahawa pesakit yang mempunyai penyakit kronik penyakit jantung lebih berisiko untuk berlaku kematian. 			

Maklumbalas Bahagian:

1. Kuota jemaah haji Malaysia pada tahun 2020 adalah seramai 31,600 orang berdasarkan 0.01 peratus daripada jumlah penduduk yang diunjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Senarai jemaah dan petugas haji bagi tahun 2020 telah dimohon kepada Lembaga Tabung Haji bagi diliputi dalam Banci 2020.
2. Bilangan gelandangan akan diperoleh dengan pihak JKM. Selain itu, anggaran bilangan ini juga boleh dibekalkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tetapi secara anggaran berdasarkan bilangan pek makanan yang disediakan. Ini akan membantu dalam memastikan semua penduduk di Malaysia diliputi semasa Banci 2020.
3. Rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air perlu diliputi dalam Banci 2020 sekiranya akan menetap di Malaysia lebih dari 6 bulan pada tahun 2020. Bilangan dan maklumat awal akan diperoleh dengan pihak berkaitan seperti Kementerian Luar Negeri (KLN) atau Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
4. Pendapatan penduduk dan Isi Rumah akan terjejas disebabkan PKP. Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan Banci 2020, maklumat pendapatan Isi Rumah yang dikutip adalah anggaran pendapatan bulanan.
5. Berdasarkan penerbitan Perangkaan Sebab Kematian tahun rujukan 2018, sebab kematian utama yang tertinggi adalah *ischaemic heart diseases* (penyakit jantung) iaitu sebanyak 15.6 peratus. Selain itu, sebab kematian *diabetes mellitus* mencatatkan 2.5 peratus dan *hypertensive diseases* 1.9 peratus. Ketiga-sebab kematian ini tersenarai dalam 10 sebab kematian utama di Malaysia tahun 2018.

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>COVID-19: 1.25 bilion pekerja terjejas</p> <p>Mata pencarian kira-kira 1.25 bilion pekerja terancam ekoran wabak COVID-19, kata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hari ini, satu amaran ia krisis global paling teruk sejak Perang Dunia Kedua.</p> <p>Dalam satu kajian, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) memberi amaran penyebaran coronavirus baru dan langkah drastik yang diambil untuk menekang penularannya pada suku kedua 2020 saja,</p>	https://www.bharian.com.my/dunia/lain-lain/2020/04/674387/covid-19-125-bilion-pekerja-terjejas

		<p>melenyapkan 6.7 peratus jam bekerja di seluruh dunia.</p> <p>Ia bersamaan dengan 195 juta pekerja sepenuh masa, menurut agensi PBB itu.</p>	
2.	Berita Harian	<p>'Benarkan semua PKS berniaga dalam talian'</p> <p>Kerajaan wajar membenarkan semua syarikat mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang bukan dalam kategori perkhidmatan perlu atau 'essential services' menjalankan perniagaan secara dalam talian.</p> <p>Presiden Persatuan PKS Malaysia, Datuk Michael Kang, berkata buat masa ini hanya perniagaan dalam kategori perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi secara dalam talian dan ia wajar diperluaskan kepada semua perkhidmatan.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/674351/benarkan-semua-pks-berniaga-dalam-talian
3.	Berita Harian	<p>COVID-19: Tiada bazar Ramadan di Pahang</p> <p>Kerajaan Negeri membuat keputusan tidak membenarkan penganjuran Bazar Ramadan di 11 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.</p> <p>Dengan keputusan ini, sebanyak 94 lokasi penganjuran bazar Ramadan di seluruh negeri yang membabitkan 4,639 peniaga berdasarkan statistik pada penganjuran bazar Ramadan tahun lalu, tidak akan diadakan.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/674501/covid-19-tiada-bazar-ramadan-di-pahang
4.	Berita Harian	COVID-19: Kelantan tidak anjurkan Bazar Ramadan	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/674528/covid-19-kelantan-tidak-anjurkan-bazar-ramadan

		<p>Kerajaan negeri Kelantan memutuskan tidak akan menganjurkan Bazar Ramadan tahun ini, berikutan keadaan semasa wabak COVID-19 yang masih membimbangkan.</p> <p>Jika PKP tamat sebelum Ramadan, Majlis Keselamatan Negara akan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) untuk pengajuran bazar berkenaan.</p>	vid-19-kelantan-tidak-anjurkan-bazar-ramadan
5.	The Edge Market	<p>No Ramadan bazaars in Federal Territories this year - Annuar Musa</p> <p>There will be no Ramadan bazaars in the Federal Territories of Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan this year, said its Minister Tan Sri Annuar Musa. Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Putrajaya Corporation (PPj) and Labuan Corporation (PL) would be returning the payments of licences, deposits and service charges to hawkers and organisers who had received approvals to hold the bazaars earlier.</p> <p>A total of 2,673 hawkers at 66 Ramadan bazaar locations had registered with DBKL, 300 with PPj and 215 hawkers at three locations with PL. We are introducing three new approaches to sell food and drinks during the Ramadan month namely drive-through, Pack and Pick as well as e-hailing delivery. The registration of hawkers for the three concepts at the approved</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/no-ramadan-bazaars-federal-territories-year-annuar-musa

		<p>locations would be opened from April 13 to 19.</p> <p>The breaking of fast or any gatherings during Ramadan would not be allowed</p>	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan kajian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), memberikan amaran bahawa penyebaran coronavirus baru dan langkah drastik yang diambil untuk mengekang penularannya pada suku kedua 2020 sahaja, bakal melenyapkan 6.7 peratus jam bekerja di seluruh dunia dan bersamaan dengan 195 juta pekerja sepenuh masa.
2. *Malaysian Association of Hotels (MAH)* melaporkan sebanyak 2,041 pekerja di berhentikan, 9,773 diberi cuti tanpa gaji dan 5,054 pekerja dipotong gaji sehingga penghujung Mac.
3. Kerajaan negeri Kelantan dan Pahang telah membuat keputusan untuk membatalkan penganjuran bazar Ramadan di negeri berkenaan susulan penularan wabak COVID-19.
4. Wilayah Persekutuan menggantikan Bazar Ramadhan dengan pendekatan 3 konsep baharu jualan makaran & minuman iaitu ***drive-through, Pack and Pick*** dan ***e-hailing delivery***. Pembatalan penganjuran Bazar Ramadhan melibatkan 2,673 peniaga (DBKL), 300 peniaga (PPj) dan 215 peniaga (PL). Peniaga ini disaran untuk mendaftar berniaga sepanjang bulan Ramadhan berdasarkan 3 konsep baharu ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penduduk bekerja bagi aktiviti pengangkutan penumpang dan muatan udara serta sektor berkaitan dijangka akan menurun pada suku pertama dan kedua 2020.
2. Dijangka akan berlakunya penurunan penduduk bekerja dan jam bekerja pada suku pertama dan kedua 2020 di dalam aktiviti penginapan. Bilangan Pengganggur juga dijangka akan meningkat semasa tempoh berkenaan.
3. Peniaga Bazar Ramadhan di Wilayah Persekutuan masih lagi berpeluang berniaga (bekerja) melalui pendekatan 3 konsep baharu yang diperkenalkan di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan iaitu ***drive-through, Pack and Pick*** dan ***e-hailing delivery***.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian	<p>97 Pasar Segar Terkawal dibuka seluruh negara</p> <p>Sebanyak 97 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) diwujudkan di seluruh negara bagi menyediakan keperluan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/77752/BERITA/Nasional/97-Pasar-Segar-Terkawal-dibuka-seluruh-negara
2.	Sinar Harian	<p>Stok beras negara melebihi keperluan rakyat</p> <p>Jaminan bahawa stok beras negara mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.</p>	https://www.sinarharian.com.my/article/77805/BERITA/Nasional/Stok-beras-negara-melebihi-keperluan-rakyat
3.	Bernama	<p>KPPK mohon operasi ladang, kilang sawit enam daerah di Sabah dapat diteruskan</p> <p>Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyarankan supaya operasi ladang dan kilang sawit di enam daerah di Sabah dapat diteruskan khususnya bagi kawasan yang tidak terjejas dengan COVID-19, jauh di pedalaman dan terasing daripada kawasan yang terjejas.</p>	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1829735
4.	The Star	<p>Minister: Fresh greens from Kundasang on their way to main markets throughout Malaysia, Brunei</p> <p>Steps are already in place for highland vegetables from Kundasang to be transported to main markets in Sabah, Sarawak, Peninsular Malaysia and neighbouring Brunei.</p>	https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/08/minister-fresh-greens-from-kundasang-on-their-way-to-main-markets-throughout-malaysia-brunei

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyatakan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) diperuntukkan untuk membuka 63 lokasi PST manakala Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebanyak 34 lokasi PST di seluruh negara.
 - i. keseluruhan 97 lokasi PST melibatkan jualan barang seger seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barang runcit dan barang asas tani.
 - ii. Pelanggan digalakkan untuk melayari portal Agrobazaar Online (www.agrobazaar.com.my) untuk membuat pesanan awal atau WhatsApp secara pra pesanan dan membuat bayaran terus secara online bagi memudahkan urusan pengambilan di 'pick-up point' dan urusan pandu lalu (drive-thru) di outlet-outlet pemasaran terpilih.
2. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyatakan stok semasa beras tempatan berada di peringkat kilang, pemborong dan peruncit berjumlah kira-kira 500,000 tan metrik sebulan. Manakala hanya 200,000 metrik tan beras diperlukan rakyat pada setiap bulan. Jumlah ini tidak mengambil kira stok pengeluaran beras tempatan dan beras import yang berada dalam negara.
3. Menteri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan:
 - i. Kesemua penggiat industri sawit negara perlu beroperasi dengan pematuhan sepenuhnya secara lebih ketat termasuk meminimumkan tenaga kerja dan pergerakan pekerja dengan menjaga penjarakkan sosial serta mengamalkan penjagaan kebersihan pada setiap masa.
 - ii. Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan Persatuan Pemilik Ladang Sawit Malaysia (MEOA) pada 7 April turut menyatakan bahawa penutupan operasi ladang dan kilang sawit akan memberi implikasi ke atas sosio-ekonomi dan juga hasil pendapatan masyarakat Sabah mempunyai meritnya dan wajar dipertimbangkan semula oleh kerajaan negeri berdasarkan kes demi kes. Tambahan lagi ia juga akan merencatkan dan menjelaskan rantaian pengeluaran bekalan minyak masak untuk keperluan domestik, khususnya di Sabah.
4. Based on statement:
 - i. They have put in place a mechanism that will allow 58 farmers, and wholesalers from the Kundasang area to send out their produce to the main towns of Kota Kinabalu, and east coast towns of Sandakan and Tawau.
 - ii. Approval have been given to 148 entities and 184 lorries to transport the goods from Kundasang following initial hiccups of vegetable transport from the highlands after a movement control order was put in place on March 18

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi sayur-sayuran terpilih (10 jenis item) dan buah-buahan terpilih (14 jenis item) diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Pengeluaran hasil pertanian semasa PKP akan dilihat kesannya pada penerbitan SUA 2021.

2. Survei Pertanian dan Alam Sekitar (SPAS) yang dijalankan secara suku tahunan juga akan menunjukkan kesan keatas pengeluaran pertanian seperti tanaman, ternakan dan sektor bekalan air: pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan. Analisis diperingkat dalaman akan dilaksanakan memandangkan ia merupakan produk terbaru bahagian.

K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market	<p>Rehda asks govt to enact exemption bill to protect business contractual obligations</p> <p>The Real Estate & Housing Developers' Association Malaysia (Rehda) is calling for the government to enact a force majeure exemption bill or a "Covid-19 (Temporary Measures) Bill" to lawfully protect players of all industries during the movement control order (MCO) period. The bill is to ensure every party is safeguarded against any form of penalisation that would be imposed under normal circumstances.</p> <p>In the property sector, buyers are now unable to fulfil obligations with regards to various processes like completing documentation and progress payment, which must be made within 21 days, due to the financial institutions' scaled down operations during MCO.</p> <p>Developers are also likely not able to meet completion deadlines which has affected the whole supply chain, thus it will take longer to achieve</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/rehda-asks-govt-enact-exemption-bill-protect-business-contractual-obligations

		<p>optimum output from construction activities on-site.</p> <p>The bill suggested by Rehda will be beneficial to purchasers, developers, financiers, other property industry players and those in other industries that form Malaysia's economic ecosystem.</p>	
2.	Malay Mail	<p>Sabah to decide on reviewing oil palm mills closure this week</p> <p>Sabah state will make a decision later this week on whether to allow oil palm mills to operate during MCO. The decision will be based on reports from relevant authorities like the Health Department and police from the ground.</p> <p>The companies would be allowed to operate if only there are no employee was endangering their lives or others, and companies can comply with all safety and hygiene guidelines for their workers; wearing protective gear, keeping their distance, and work in shifts. There also has to be someone in charge of monitoring their temperature.</p> <p>The state previously ordered oil palm mills in six districts namely Tawau, Lahad Datu, Kinabatangan, Kunak, Semporna and Kalabakan in Sabah's east coast to close due to the discovery of several</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/08/sabah-to-decide-on-reviewing-oil-palm-mills-closure-this-week/1854789

		Covid-19 cases. The move was objected by plantations, palm-oil related groups and the federal government who said that the state's oil palm industry would lose RM860 million and put countless other jobs and livelihoods at stake.	
3.	New Straits Times	<p>MMA welcomes SME stimulus package, will aid private clinics nationwide</p> <p>Malaysian Medical Association (MMA) welcomes the stimulus package for small and medium enterprises (SME). There are options available to General Practitioners (GPs) to help them manage the impact of the MCO on their respective clinics. The 7,700 GPs and specialist clinics which are registered with Health Ministry (MoH) have been an engine of growth in the healthcare space.</p> <p>This sector has been providing employment for a workforce of more than 40,000 consisting of more than 80 per cent women. Since the MCO was issued, there has been a drastic drop in patient visits to clinics. About 30 per cent of the GP clinics are registered with the registrar of companies while the rest are sole proprietors. The clinics come under the services sector with the majority employing more than 5 staff hence they can be classified under the micro and small industry.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/582480/mma-welcomes-sme-stimulus-package-will-aid-private-clinics-nationwide

		<p>Under the RM10 billion Economic Stimulus package announced for SMEs, clinic owners can consider managing the impact of the MCO via the following schemes:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Wage subsidy program under SOCSO: For companies with employees of less than 75, a wage subsidy of RM1,200 per month per employee is provided. 2. The micro credit and soft loan scheme for micro enterprises: Clinics facing problems in cash flow may tap this fund. In the package, the earlier 2 per cent interest rate has been abolished under the Bank Simpanan Nasional Micro Credit Scheme of RM500 million. 3. Rental reduction of private premises: The clinics can start negotiating with shop owners for reduction in rental. 4. Loan applications through the IMSME portal as alternative over direct loans from banking institutions. 5. Pay cuts and unpaid leave: Clinic owners can negotiate for a win-win situation with staff during this period. 	
4.	New Straits Times	<p>Airlines operators in Malaysia indicate 13.6 mil seats cancellation</p> <p>There has been a cancellation of about 13.6 million seats,</p>	https://www.nst.com.my/business/2020/04/582574/airline-s-operators-malaysia-indicate-

	<p>or 12.3 per cent of annual scheduled operations by airlines operating in Malaysia. Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) stated that Malaysian carriers have received high volume of passenger refund requests beyond their current resources. Airlines are required to resolve complaints and remit refunds to consumers within 30 days of receipt of those complaints.</p> <p>Covid-19 has contributed towards the aviation industry globally undergoing one of the most challenging periods of its history. Passenger travel has plummeted, and airline revenues have significantly decreased, resulting in the airlines facing severe challenges in managing their resources and cashflows.</p> <p>International Air Transport Association (IATA) reported that about 25 million jobs would be at risk of disappearing with plummeting demand for air travel, if the severe travel restrictions lasting for three months. The livelihoods of some 65.5 million people globally were dependent on the aviation industry, including sectors such as travel and tourism. Of the total, 2.7 million people were in airlines jobs.</p>	<u>136-mil-seats-cancellation</u>
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Real Estate & Housing Developers' Association Malaysia</i> (Rehda) menggesa kerajaan menggubal undang-undang pengecualian <i>force majeure</i> atau Rang Undang-undang Covid-19 (Langkah Sementara) bagi 		

melindungi industri sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Rang undang-undang ini bagi memastikan setiap pihak dilindungi daripada sebarang tindakan yang akan dikenakan dalam situasi biasa. Dalam sektor hartanah, pembeli kini tidak dapat melakukan keperluan prosesan seperti melengkapkan dokumentasi dan kemajuan pembayaran yang perlu diselesaikan dalam tempoh 21 hari disebabkan pengurangan operasi institusi kewangan sepanjang tempoh PKP. Pemaju juga berkemungkinan tidak dapat memenuhi tarikh akhir menyiapkan projek yang mana telah menjelaskan keseluruhan rantaian permintaan. Undang-undang yang dicadangkan diharap dapat memberi manfaat kepada pembeli, pemaju, institusi kewangan, industri harta tanah serta semua industri yang membentuk ekosistem ekonomi Malaysia.

2. Negeri Sabah akan membuat keputusan berkenaan untuk membenarkan kilang kelapa sawit di negeri itu beroperasi semasa tempoh PKP berdasarkan laporan daripada pihak berkuasa seperti Jabatan Kesihatan dan pihak polis. Syarikat akan dibenarkan beroperasi sekiranya tiada pekerja yang terancam dari segi kesihatan dan syarikat berupaya memenuhi garis panduan keselamatan dan kebersihan pekerja mereka. Negeri Sabah sebelum ini mengarahkan kilang kelapa sawit di 6 daerah iaitu Tawau, Lahad Datu, Kinabatangan, Kunak, Semporna dan Kalabakan, di pantai timur Sabah untuk menutup operasi disebabkan terdapat beberapa kes Covid-19.
3. Kementerian Wilayah Persekutuan mencadangkan alternatif bagi peniaga Bazar Ramadan atas pembatalan Bazar Ramadan kerana pandemik Covid-19. Cadangan meliputi penjualan makanan menerusi pandu lalu, bungkus & ambil dan perkhidmatan e-hailing. Bagi pandu lalu, makanan akan dibungkus dan jarak 20 meter di antara kanopi dan peniaga. Lokasi yang dikenalpasti untuk sistem pandu lalu ialah Stadium Nasional Bukit Jalil di KL dan Boulevard, Presint 2 di Putrajaya. Bagi bungkus dan ambil, pelanggan boleh membuat pra-tempahan melalui platform atas talian manakala bagi perkhidmatan e-hailing, PBT akan mendaftarkan peniaga kepada syarikat penghantaran makanan termasuk GrabFood dan Food Panda. Pendaftaran akan bermula pada 13 hingga 19 April 2020.
4. Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyambut baik pakej rangsangan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Terdapat pilihan diberikan kepada pengamal perubatan (GPs) bagi membantu mereka mengurus impak PKP ke atas klinik mereka. Terdapat 7.7 ribu GPs dan klinik pakar yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan melibatkan lebih 40 ribu pekerja di mana sebanyak 80 peratus adalah pekerja wanita. Terdapat penurunan ketara kedatangan pesakit ke klinik sepanjang tempoh PKP. Klinik dikategorikan dalam sektor Perkhidmatan dengan majoriti mempunyai lebih daripada 5 pekerja dan membolehkan diklasifikasi di bawah PKS.
5. Terdapat pembatalan 13.6 juta tempat duduk atau 12.3 peratus daripada operasi berjadual tahunan oleh syarikat penerbangan yang beroperasi di

Malaysia. *Malaysian Aviation Commission* (MAVCOM) menyatakan telah menerima permohonan bayaran balik penumpang yang melebihi sumber semasa syarikat yang perlu diselesaikan dalam tempoh 30 hari daripada penerimaan aduan tersebut. Pandemik Covid-19 telah menyebabkan industri penerbangan global berdepan cabaran terbesar dalam sejarah. *International Air Transport Association* (IATA) melaporkan sebanyak 2.7 juta orang yang bekerja dengan syarikat penerbangan di seluruh dunia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan berdasarkan SGT ST4 2019:
 - i) Terdapat sebanyak 8.5 juta jawatan diisi di mana sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar (52.5%). Sektor Pembinaan meliputi 15.5 peratus manakala sektor Pertanian sebanyak 5.4 peratus.
 - ii) Jawatan diisi bagi sektor Perkhidmatan adalah sebanyak 4.4 juta di mana subsektor Makanan, minuman dan penginapan* menyumbang hampir satu per lima, manakala subsektor Perkhidmatan lain* dan Pengangkutan dan penyimpanan* masing-masing dengan sumbangan di bawah 10 peratus.
2. Statistik pekerja berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut**:
 - i) Hartanah dan perkhidmatan perniagaan: 1,140 ribu orang (7.5%)
 - ii) Pembinaan: 1,493 ribu orang (9.8%)
 - iii) Kewangan dan insurans: 374 ribu orang (2.4%)
 - iv) Pertanian: 1,857 ribu orang (12.2%)
 - v) Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan: 444 ribu orang (2.9%)
 - vi) Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)
 - vii) Perdagangan borong dan runcit: 2,514 ribu orang (16.5%)
 - viii) Perkhidmatan lain: 2,614 ribu orang (17.1%)
 - ix) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
3. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2019 berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

Aktiviti ekonomi	Produktiviti buruh mengikut jam bekerja		Produktiviti buruh mengikut pekerja	
	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)	Nilai (RM)	Perubahan Peratusan Tahunan (%)
Hartanah & perkhidmatan perniagaan	26.2	4.2	15,707	4.9


Pembinaan	18.6	4.3	11,106	3.1
Kewangan dan insurans	112.5	3.1	65,333	3.3
Pertanian	25.1	-5.8	13,177	-6.2
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	31.9	-2.7	18,010	-0.8
Makanan & minuman dan penginapan	13.6	2.9	7,977	2.3
Perdagangan borong dan runcit	42.9	3.2	25,999	3.0
Perkhidmatan lain	36.5	2.2	19,392	3.7
Pengangkutan dan penyimpanan	41.3	4.6	25,444	4.1

*Data subsektor tidak diterbitkan.

**merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan.

Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri

III KES POSITIF MENGIKUT NEGERI (setakat 8/4/2020, 12 PM)



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

Jadual 2: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negara

CORONA VIRUS DISEASE 19 (COVID-19)

Jumlah keseluruhan kes: Total cases: Dunia / Worldwide	Jumlah kematian keseluruhan: Total deaths: Dunia / Worldwide	Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Dunia / Worldwide	Negara yang terlibat: No. of countries involved	Jumlah kes sembuh: Total recovered cases: Malaysia's
1,441,128	82,992 (5.76%)	307,819 (21.36%)	183	1,483 (36.10%)

Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths	Negara Country	Bil. kes No. of cases	Bil. kematian No. of deaths
Amerika Syarikat	399,929	12,911	Thailand	2,369	30	Uruguay	424	7
Sepanyol	146,690	14,555	UAE	2,359	12	Afghanistan	423	14
Itali	135,586	17,127	Panama	2,249	59	Oman	419	2
Perancis	110,070	10,343	Qatar	2,057	6	Cuba	396	11
Jerman	107,663	2,016	Republik Dominika	1,956	98	Burkina Faso	384	19
China	82,783	3,337	Greece	1,832	81	Albania	383	22
Iran	62,589	3,872	Colombia	1,780	50	Taiwan	379	5
United Kingdom	55,957	6,171	Afrika Selatan	1,749	13	Jordan	353	6
Turki	34,109	725	Argentina	1,715	60	Ivory Coast	349	3
Belgium	23,403	2,240	Ukraine	1,668	52	Honduras	312	22
Switzerland	22,328	824	Iceland	1,586	6	Malta	293	0
Belanda	19,709	2,108	Singapura	1,481	6	Ghana	287	5
Kanada	17,897	381	Algeria	1,468	193	San Marino	279	34
Brazil	14,049	688	Mesir	1,450	94	Niger	278	11
Austria	12,734	273	Croatia	1,282	18	Kyrgyzstan	270	4
Portugal	12,442	345	New Zealand	1,210	1	Mauritius	268	7
Korea Selatan	10,384	200	Estonia	1,185	24	West Bank and Gaza	263	1
Israel	9,404	71	Maghribi	1,184	90	Nigeria	254	6
Rusia	8,672	63	Iraq	1,122	65	Vietnam	251	0
Sweden	7,693	591	Slovenia	1,091	40	Montenegro	248	2
Norway	6,086	89	Belarus	1,066	13	Senegal	237	2
Australia	6,010	50	Moldova	1,056	24	Bolivia	210	15
Ireland	5,709	210	Lithuania	912	15	Georgia	208	3
Denmark	5,581	203	Hungary	895	58	Sri Lanka	186	6
India	5,360	164	Armenia	881	9	Kosovo	184	5
Chile	5,116	43	Kuwait	855	1	Congo (Kinshasa)	180	18
Czechia	5,033	91	Bahrain	811	5	Kenya	172	6
Poland	5,000	136	Bosnia and Herzegovina	777	33	Venezuela	166	7
Romania	4,417	209	Azerbaijan	717	8	Bangladesh	164	17
Jepun	4,257	93	Kazakhstan	709	7	Guinea	144	0
Malaysia	4,119	65 	Cameroon	685	9	Brunei	135	1
Pakistan	4,072	58	Tunisia	623	23	Paraguay	119	5
Ecuador	3,995	220	Makedonia Utara	599	26	Kemboja	117	0
Filipina	3,870	182	Bulgaria	581	23	Trinidad and Tobago	107	8
Luxembourg	2,970	44	Slovakia	581	2	Rwanda	105	0
Indonesia	2,956	240	Latvia	577	2	El Salvador	93	5
Peru	2,954	107	Lubnan	548	19	Djibouti	90	0
Arab Saudi	2,795	41	Andorra	545	22	Madagascar	88	0
Mexico	2,785	141	Uzbekistan	534	3	Guatemala	80	3
Finland	2,487	34	Cyprus	494	9	Monaco	79	1
Serbia	2,447	61	Costa Rica	483	2	Liechtenstein	78	1

(Dikemaskini pada 8 April 2020)
(Updated at 8 April 2020)

Latin-lain/Others
(Kepala penurunan)

712 11



Bilangan negara di bawah 70 kes:
Countries with 70 cases and below:

(1-10)	(11-20)	(21-30)	(31-40)	(41-50)	(51-60)	(61-70)
25	18	5	5	1	3	3

Sumber: CPRC Kebangsaan dan WHO UKM MOH